

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status terkini bagi tahun 2021 mengenai cadangan pembangunan Kampong Bharu yang dirancang sama ada dapat diteruskan atau sebaliknya. Apakah pelan jangka masa pendek dan panjang pihak Kementerian mengenai cadangan pembangunan ini setelah permohonan peruntukan telah dibuat oleh pihak Kementerian mengenai perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan nombor lapan daripada Yang Berhormat Shah Alam bersama soalan nombor 50 daripada Yang Berhormat Lumut bertarikh 27 September 2021 berkaitan dengan cadangan Pembangunan Kampung Baru. Sukacita saya memaklumkan bahawa pembangunan Kampung Baru sedang diteruskan melalui pendekatan baharu iaitu pembangunan secara organik dan berfasa mengikut blok pembangunan. Pendekatan ini mempunyai kebolehlaksanaan yang tinggi dan buat masa ini, 44 buah blok pembangunan telah pun dikenal pasti. Menerusi pendekatan ini, kerajaan tidak akan terlibat dalam pembelian tanah secara keseluruhan sebaliknya pembangunan Kampung Baru adalah secara usaha sama antara pemaju dan pemilik tanah atau petak mengikut blok-blok pembangunan tersebut.

Selaras dengan pendekatan baharu ini juga, peruntukan kerajaan hanya akan digunakan bagi pembangunan infrastruktur melalui penaiktarafan jalan-jalan utama Kampung Baru dan akses keluar masuk ke Kampong Bharu yang menjadi pemangkin kepada pembangunan semula Kampong Bharu. Nilai hartanah yang ditawarkan kepada pemilik tanah bergantung kepada mekanisme pembangunan yang akan dilaksanakan mengikut kesesuaian pembangunan. Pendekatan baharu ini dilaksanakan dalam tiga tempoh fasa pembangunan.

Pembangunan jangka pendek 2021–2025. Pembangunan jangka pendek adalah dalam tempoh lima tahun yang mana ia melibatkan cadangan pembangunan seperti berikut:

- (i) pembangunan semula kawasan Sungai Baru;
- (ii) pembangunan semula kawasan Flat PKNS Jalan Tun Razak;

NO SOALAN: 8

- (iii) pembangunan infrastruktur yang melibatkan cadangan pelebaran dan penaiktarafan Jalan Raja Uda Kampung Baru, Kuala Lumpur;
- (iv) cadangan sambungan DUKE 2A dari Kampung Kuching ke Kampung Baru, Jalan Raja Muda Abdul Aziz;
- (v) cadangan pembinaan akses keluar masuk Lebuhraya AKLEH di Sungai Baru; dan
- (vi) pembangunan tapak klinik kesihatan dengan pembangunan yang lebih ekonomik.

Pembangunan jangka sederhana 2025–2034. Pembangunan jangka sederhana melibatkan tempoh masa 10 tahun dan ditumpukan kepada pembangunan kediaman yang kompetitif di Kampung Periuk dan pembangunan blok yang berpotensi di Kampung Pindah.

Pembangunan jangka panjang 2021–2040. Pembangunan jangka panjang melibatkan tempoh masa 20 tahun bagi mempromosikan dan membangunkan blok-blok pembangunan yang berpotensi daripada masa ke semasa bergantung kepada kesediaan pemaju.

Mengenai peruntukan Pembangunan Perbadanan Kampung Baru melalui Kementerian Wilayah Persekutuan, kementerian telah membuat permohonan untuk di bawah rolling plan kedua (RP2) RMKe-12 sebanyak RM148 juta dan masih menunggu kelulusan EPU. Permohonan ini adalah permohonan perolehan tanah di Kampung Pindah sebanyak RM100 juta untuk premium tanah dan permohonan sebanyak RM48 juta untuk pengambilan tanah bagi pelebaran dan penaiktarafan Jalan Raja Uda Kampong Bharu, Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PANDAN]**

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan secara terperinci perolehan rundingan terus bagi Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi di bawahnya untuk tempoh suku pertama dan suku kedua tahun 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Perolehan Rundingan Terus Kementerian Wilayah Persekutuan serta Jabatan/Agensi di bawahnya yang menggunakan Peruntukan Persekutuan berdasarkan kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) pada suku tahun kedua adalah Perkhidmatan Menaiktaraf Sistem Kewangan SAGA-CENTURY kepada GRP 9.0 dan Khidmat Sokongan Teknikal.

Perkhidmatan menaiktaraf dan menyelenggara sistem ini adalah bagi memastikan sistem kewangan agensi dalam keadaan baik selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [SETIAWANGSA] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tentang bilangan pemohon yang menunggu untuk mendapatkan unit PPR di Wilayah Persekutuan menyatakan tentang bilangan pemohon yang menunggu untuk mendapatkan unit PPR di Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mempertimbangkan sebanyak 9,948 permohonan dari tahun 2019 sehingga Ogos 2021 untuk menyewa unit perumahan awam ataupun dan juga perumahan Projek Perumahan Rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak 1,547 pemohon telah diluluskan di mana 627 pemohon telah pun ditawarkan unit perumahan awam dan juga Projek Perumahan Rakyat di bawah DBKL. Manakala, bakinya 920 pemohon yang lulus masih menunggu tawaran unit kosong. Antara sebab tawaran tidak boleh ataupun belum lagi diberi kepada 920 pemohon ialah terdapatnya beberapa unit yang sedang dibaik pulih dan juga ada di antara penyewa yang telah melepasi kadar kelayakan yang masih di dalam proses yang dipulangkan unit mereka.

Untuk rekod Dewan yang mulia juga, suka saya nyatakan pada pagi ini ialah dari tahun 2019, 2020 dan 2021. Antara permohonan yang paling banyak sekali adalah tahun 2020 yakni sebanyak 6,922 pemohon yang layak memohon unit perumahan awam dan PPR ini dan daripada 6,922 itu, hanya yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan sebanyak 736 sahaja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan perincian berapa baki wang simpanan tetap di bank oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, jumlah faedah daripada simpanan tetap itu bagi tahun terkini dan apa pelan jangka masa panjang bagi wang simpanan tetap ini semasa pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan keperluan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Ringkasan Belanjawan Tahunan dan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Tahunan DBKL perlu diwartakan. Dengan pewartaan laporan-laporan berkenaan ia akan menjadi suatu Pemberitahuan Awam.

Seksyen 55 (6) “Ringkasan Belanjawan sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri hendaklah disiarkan dalam Warta.”

Seksyen 60 (4) “Akaun yang telah diaudit bersama-sama dengan pandangan juruaudit, hendaklah dibentangkan di hadapan Pihak Berkuasa Tempatan di dalam mesyuarat dan disiarkan dalam Warta.”

Seksyen 60 (5) “Satu salinan penyata dan akaun hendaklah dihantar kepada Pihak Berkuasa Negeri yang akan dibentang dalam Dewan Rakyat.”

Berikutan dengan itu, maklumat berkaitan dengan penyata kewangan 2020 dan 2021, termasuk perincian berapa baki wang simpanan tetap di bank oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan jumlah faedah daripada simpanan tetap tersebut, hanya boleh dikemukakan setelah penyata-penyata kewangan berkenaan telah diaudit dan diwartakan.

DBKL amat berhati-hati dalam menguruskan sumber kewangan bagi memastikan DBKL sentiasa dapat membiayai segala komitmen. Selain daripada belanja mengurus hal ehwal perbandaran Bandaraya Kuala Lumpur, DBKL juga memerlukan dana bagi pelan jangka panjang untuk menyelesaikan komitmen seperti:

- i. Komitmen modal projek dan penyelenggaraan
- ii. Peruntukan gaji
- iii. Tuntutan guaman
- iv. Pinjaman kerajaan

DBKL sangat prihatin bagi membantu meringankan beban warga kota. Pelbagai insentif melalui program Inisiatif Wilayah Cakna telah dilaksanakan oleh DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah membantu warga kota dari segi sosio-ekonomi. Lebih **RM200 juta** telah diperuntukkan bagi melaksanakan inisiatif ini yang termasuk:

- 1. Pengecualian bayaran sewaan premis niaga
- 2. Pengecualian bayaran sewaan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR), DBKL
- 3. Pemberian sumbangan RM500 one-off kepada 17,630 penjaja berlesen
- 4. Pemberian sumbangan RM100 one-off kepada 41,182 orang 3 penyewa PA/PPR, DBKL
- 5. Pengecualian 6 bulan fi lesen bagi lesen baharu
- 6. Bantuan asas dan sumbangan kepada gelandangan
- 7. Pengecualian penalti bagi tunggakan cukai taksiran, komersial dan kediaman.
- 8. Rebat cukai taksiran sehingga 25% kepada Institusi Pengajian Tinggi Swasta, Hotel dan Pusat Membeli Belah, dan
- 9. Pemberian vaksinasi kepada penjaja

Segala inisiatif dan bantuan daripada DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Inisiatif Wilayah Cakna ini telah dapat dimanfaatkan bagi membantu mengurangkan beban warga Kuala Lumpur sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD.
RAMLI [LUMUT]**

TARIKH : 27 SEPT 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [LUMUT] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah status terkini cadangan pembangunan Kampong Bharu dan berapakah nilai hartanah terkini yang ditawarkan kepada penduduk Kampong Bharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan nombor lapan daripada Yang Berhormat Shah Alam bersama soalan nombor 50 daripada Yang Berhormat Lumut bertarikh 27 September 2021 berkaitan dengan cadangan Pembangunan Kampung Baru. Sukacita saya memaklumkan bahawa pembangunan Kampung Baru sedang diteruskan melalui pendekatan baharu iaitu pembangunan secara organik dan berfasa mengikut blok pembangunan. Pendekatan ini mempunyai kebolehlaksanaan yang tinggi dan buat masa ini, 44 buah blok pembangunan telah pun dikenal pasti. Menerusi pendekatan ini, kerajaan tidak akan terlibat dalam pembelian tanah secara keseluruhan sebaliknya pembangunan Kampung Baru adalah secara usaha sama antara pemaju dan pemilik tanah atau petak mengikut blok-blok pembangunan tersebut.

Selaras dengan pendekatan baharu ini juga, peruntukan kerajaan hanya akan digunakan bagi pembangunan infrastruktur melalui penaiktarafan jalan-jalan utama Kampung Baru dan akses keluar masuk ke Kampong Bharu yang menjadi pemangkin kepada pembangunan semula Kampong Bharu. Nilai hartanah yang ditawarkan kepada pemilik tanah bergantung kepada mekanisme pembangunan yang akan dilaksanakan mengikut kesesuaian pembangunan. Pendekatan baharu ini dilaksanakan dalam tiga tempoh fasa pembangunan.

Pembangunan jangka pendek 2021–2025. Pembangunan jangka pendek adalah dalam tempoh lima tahun yang mana ia melibatkan cadangan pembangunan seperti berikut:

- (vii) pembangunan semula kawasan Sungai Baru;
- (viii) pembangunan semula kawasan Flat PKNS Jalan Tun Razak;

- (ix) pembangunan infrastruktur yang melibatkan cadangan pelebaran dan penaiktarafan Jalan Raja Uda Kampung Baru, Kuala Lumpur;
- (x) cadangan sambungan DUKE 2A dari Kampung Kuching ke Kampung Baru, Jalan Raja Muda Abdul Aziz;
- (xi) cadangan pembinaan akses keluar masuk Lebuhraya AKLEH di Sungai Baru; dan
- (xii) pembangunan tapak klinik kesihatan dengan pembangunan yang lebih ekonomik.

Pembangunan jangka sederhana 2025–2034. Pembangunan jangka sederhana melibatkan tempoh masa 10 tahun dan ditumpukan kepada pembangunan kediaman yang kompetitif di Kampung Periuk dan pembangunan blok yang berpotensi di Kampung Pindah.

Pembangunan jangka panjang 2021–2040. Pembangunan jangka panjang melibatkan tempoh masa 20 tahun bagi mempromosikan dan membangunkan blok-blok pembangunan yang berpotensi daripada masa ke semasa bergantung kepada kesediaan pemaju.

Mengenai peruntukan Pembangunan Perbadanan Kampung Baru melalui Kementerian Wilayah Persekutuan, kementerian telah membuat permohonan untuk di bawah rolling plan kedua (RP2) RMKe-12 sebanyak RM148 juta dan masih menunggu kelulusan EPU. Permohonan ini adalah permohonan perolehan tanah di Kampung Pindah sebanyak RM100 juta untuk premium tanah dan permohonan sebanyak RM48 juta untuk pengambilan tanah bagi pelebaran dan penaiktarafan Jalan Raja Uda Kampong Bharu, Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan pelan Kementerian bagi membantu golongan penjaja yang terjejas di Labuan dan kaedah penyelesaian yang lebih mampan serta mampu melonjak kembali ekonomi domestik sesegera yang mungkin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang kita sedia maklum, PKP sejak tahun 2020 sememangnya memberikan kesan kepada golongan penjaja dan tidak terkecuali bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Saya hendak ucapkan terima kasih atas soalan Yang Berhormat Labuan yang berkaitan dengan penjaja di kawasan Labuan.

Perbadanan Labuan telah mengambil dan merangka beberapa langkah untuk melaksanakan beberapa pelan dan inisiatif dalam usaha untuk membantu merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi, khususnya golongan penjaja dan peniaga kecil sejak berlakunya pandemik tahun lalu.

Usaha ini bukanlah berbentuk *one-off* tetapi merupakan satu usaha yang berterusan. Antara pelan tindakan yang telah dirancang, perancangan mampan yang akan dilaksanakan antaranya ialah Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga. Seawal tahun 2020, inisiatif ini telah dijadikan sebagai pelan tindakan jangka pendek bagi membantu warga Wilayah Persekutuan termasuk penjaja yang terjejas punca pendapatan daripada pandemik ini.

Di bawah inisiatif ini, usaha permohonan lesen penjaja dipermudahkan dan menetapkan syarat-syarat permohonan yang mudah dengan syarat penetapan lokasi yang tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu lalu lintas masyarakat, penduduk setempat. Ini termasuk dalam soal penjagaan kebersihan di kawasan aktiviti penjaja akan terus dibenarkan.

Inisiatif ini juga telah memudahkan dan membantu warga Labuan untuk berniaga termasuk bagi penjaja kecil. Bagi Wilayah Labuan ini untuk makluman Dewan yang mulia, terdapat 466 orang penjaja yang dilesenkan oleh perbadanan Labuan dan daripada jumlah tersebut, 162 orang penjaja adalah merupakan penjaja baharu yang berdaftar di bawah Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga.

NO SOALAN: 4

Suka saya nyatakan pada pagi ini juga, Perbadanan Labuan telah memberikan pengecualian fi lesen penjaja bermula daripada Julai 2020 sehingga Disember 2021 yang melibatkan implikasi kewangan RM78,500. Di samping itu, bagi membantu penjaja Labuan, 460 ruang niaga di bawah pengurusan Perbadanan Labuan bagi tahun 2021 telah diberikan 50 peratus diskaun yang melibatkan kos hampir RM784,000 bagi keseluruhan Labuan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, selain daripada itu pihak Perbadanan Labuan telah menjalankan atau menaik taraf kawasan gerai penjaja di Patau-Patau dan Layang-Layangan kerana gerai yang berada sekarang ini adalah merupakan keadaan yang sangat daif. Perbadanan Labuan telah membelanjakan sejumlah peruntukan RM80,000 untuk menaik taraf 25 buah gerai bagi kemudahan penjaja di kawasan Labuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengenai status terkini mengenai kerja-kerja pembaikan kerosakan struktur bangunan, kawasan gunasama, unit kediaman individu dan projek penyelenggaraan jangka masa pendek dan panjang bagi semua masalah projek Perumahan Penjawat Awam (PPAM) Melinjau seperti yang dibangkitkan oleh pihak penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berikut adalah maklumat mengenai pertanyaan yang diajukan sebagaimana berikut;

1. Kerosakan Struktur Bangunan

- Pemeriksaan bangunan telah dijalankan oleh pihak JKR melibatkan semua disiplin projek merangkumi kerja Struktur, Mekanikal, Elektrikal dan Senibina.
- Berdasarkan kepada laporan yang telah dikemukakan pihak JKR tersebut, dari aspek kestabilan struktur secara keseluruhan, struktur bangunan di blok tersebut tidak mengalami “*structural distress*” dan tidak diancam keruntuhan.

2. Kawasan Gunasama (Common Area)

- Status Kerja pembaikan di semua kawasan gunasama **telah selesai** dijalankan oleh pemaju adalah sebanyak 10%.
- Status Kerja pembaikan kawasan gunasama yang **belum selesai** adalah sebanyak 90%.
- Kerja-kerja pembaikan sebelum ini tertangguh akibat pelaksanaan PKP 2.0 (1 Jun 2021 – 2 Julai 2021, kebenaran MITI)
- Kerja pembaikan Kawasan Gunasama “*Common Area*” dijangka selesai pada Januari 2022.

3. Kediaman Individu (Defects Unit)

- Jumlah keseluruhan unit adalah 650 unit.
- Sehingga kini **474 unit** telah siap kerja-kerja *defect*.
- 33 unit masih lagi dalam peringkat pembaikan dan 16 unit masih tertangguh.
- Kerja pembaikan *Defects Unit* dijangka **selesai** pada **November 2021. Tempoh DLP telah dilanjutkan sehingga 11 Januari 2022.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah perbelanjaan yang diperuntukan bagi penyediaan Trak Vaksin Bergerak (TVB) di Kuala Lumpur termasuk perbelanjaan untuk fasiliti, sukarelawan dan para petugas perubatan serta jumlah keseluruhan mereka yang menerima vaksin melalui TVB ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, MyMedic@Wilayah ini telah diluluskan oleh CITF Persekutuan sebagai PPV Vaksinasi Bergerak dan dilaksanakan oleh *Healthcare Operator* (HCO) yang berdaftar di bawah *ProtectHealth Corporation* Sdn. Bhd. (PHCorp). Dalam hal ini, bayaran perkhidmatan pemvaksinan oleh petugas perubatan untuk setiap dos adalah dibayar oleh PHCorp.

Program Vaksinasi Covid-19 @ Wilayah Prihatin ini juga merupakan hasil kerjasama strategik KKM, KWP, DBKL dan YWP. Program tersebut merupakan antara inisiatif Wilayah Cakna 5.0 untuk memastikan 80% warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selesai divaksinasi pada penghujung bulan Ogos 2021.

Program ini adalah memfokuskan pemberian vaksin Covid-19 kepada penduduk PA/ PPR dan kampung tradisi terpilih di Kuala Lumpur secara percuma. Program ini dilaksanakan di **65 kawasan PA/ PPR dan kampung tradisi di Kuala Lumpur** dengan keutamaan vaksinasi kepada golongan **warga emas, orang kurang upaya (OKU), golongan berpenyakit kronik dan orang awam yang layak**. Kebiasaannya tempoh pemberian vaksin mengambil masa selama 3 hari di sesuatu lokasi berdasarkan jadual ditetapkan yang waktu operasinya dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Sehingga Ogos 2021, KWP telah menyelaraskan **37 lokasi PPV** yang telah mula dijalankan pada 7 Jun 2021 sehingga 21 Ogos 2021 dengan kos perbelanjaan logistik hampir **RM3.0juta yang diselaraskan oleh DBKL**. Kelengkapan logistik yang disediakan seperti pemasangan kanopi, kerusi/ meja, kipas, Sistem Siar Raya dan sebagainya. Di samping itu, turut disediakan kemudahan seperti tandas bergerak dan tong sampah di PPV yang tiada kemudahan tandas serta proses nyahkuman.

DBKL juga telah melaksanakan **Program Vaksinasi Penjaja** di bawah Program MyMedic@Wilayah Mobile Vaksin telah bermula pada 20 Jun sehingga 8 Ogos 2021. Setakat ini, seramai **6,937 penjaja** telah divaksinasi menerusi program ini. Kos perbelanjaan logistik yang diuruskan oleh DBKL ialah **RM297,890.88** di **4 lokasi**, iaitu Pasar Borong Kuala Lumpur, Pavillion 2 Bukit Jalil, Dewan Serbaguna Taman Melati Impian, dan Pusat Komuniti Bukit Damansara.

Jumlah keseluruhan penerima vaksin melalui program Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah sehingga 4 September 2021 adalah 170,991 bagi dos pertama dan 168,625 bagi dos kedua. Jumlah peruntukan yang dibelanjakan oleh KWP dan DBKL untuk menjayakan program ini termasuk menyediakan fasiliti di lokasi dan sukarelawan adalah berjumlah RM7.79 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan perincian mengenai perbelanjaan bagi semua program bantuan COVID-19 dan program vaksinasi yang telah dijalankan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan di sepanjang tahun 2021 bagi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Shah Alam, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) adalah sebuah syarikat amanah yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai 'Syarikat Berhad Menurut Jaminan' dan bukanlah agensi Kerajaan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Pelantikan Menteri Wilayah Persekutuan sebagai Pengerusi dalam syarikat ini adalah berdasarkan keperluan dalam *Memorandum & Articles of Association* Yayasan Wilayah Persekutuan. Oleh yang demikian, adalah kurang wajar pihak Kementerian memberi maklumat daripada pihak yang merupakan bukan agensi Kerajaan di bawah Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kos pembinaan bangunan-bangunan parkir bertingkat baharu untuk PPR di sekitar Kuala Lumpur dan langkah-langkah bagi memastikan kemudahan parkir itu diguna pakai memandangkan kebanyakan penduduk PPR enggan menggunakannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sebanyak **12 buah Tempat Letak Kereta Bertingkat (TLKB)** yang telah dibina di kawasan PPR/PA di Kuala Lumpur yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah kesesakan di kawasan PPR/PA. **Kos keseluruhan** untuk pembinaan kesemua TLKB tersebut adalah sebanyak **RM427,219,029.82**.

DBKL telah melaksanakan beberapa pendekatan sebagai langkah bagi memastikan kemudahan parkir itu diguna pakai sepenuhnya. Antaranya adalah kaedah promosi, pemberian subsidi dan diskaun sewaan dan penggunaan percuma kepada penduduk PA/ PPR.

a. Kaedah Publisiti/ Promosi

- Hebahan kepada penduduk seperti banner, bunting, flyers dan edaran di setiap kawasan perumahan PA/PPR.

b. Pemberian Subsidi Dan Diskaun Sewaan Kepada Penduduk

- Caj perbelanjaan operasi sebenar ialah RM99.00/bulan, namun DBKL menanggung subsidi RM39.00/bulan. Oleh yang demikian, kadar sewaan yang dikenakan adalah RM RM60.00/bulan. Diskaun sewaan turut diberi sebanyak 50% daripada RM60.00/bulan kepada RM30.00/bulan selama minimum 4 bulan dan maksimum 12 bulan.

c. Penggunaan Secara Percuma

- Penggunaan secara percuma selama 2 bulan selepas bangunan parkir dirasmikan untuk mempromosi/ memberi pengalaman kepada penghuni sebelum sebarang bayaran penyewaan dikenakan.
- Penangguhan kutipan bayaran petak parkir bagi kawasan yang belum mendapat kelulusan sepenuhnya CCC bermula daripada bangunan diterima secara CPO.

- Dikecualikan bayaran bermula bulan Mac 2020-Jun 2020 kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- Penggunaan secara percuma 1 bulan turut diberikan untuk penyewa baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan proses kerjasama bersama NGO-NGO dalam menguruskan operasi Rumah Prihatin @ Grand Seasons KL dan kos yang ditanggung oleh kerajaan. Kaedah-kaedah memastikan gelandangan dan golongan kurang waras di Kuala Lumpur mendapat dua dos vaksin COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(A) Operasi Rumah Prihatin@Grand Season

Dimaklumkan bahawa Rumah Prihatin@Grand Season adalah diuruskan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP). YWP merupakan sebuah syarikat amanah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai 'Syarikat Berhad Menurut Jaminan' dan YWP bukan agensi Kerajaan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Justeru, operasi Rumah Prihatin@Grand Season tidak ditanggung oleh Kerajaan. Rumah Prihatin@Grand Season mendapat pelbagai bantuan dan sokongan dalam bentuk barangan dan tenaga kerja melalui sumbangan para sukarelawan dan syarikat korporat. Antara sumbangan yang diterima adalah :

- i. Makanan: Yang siap dimasak, bahan mentah, makanan kering
- ii. Internet dan Peralatan Komunikasi
- iii. Baju petugas, Bendera, Permainan,
- iv. Peralatan Kesihatan Mental dan khidmat professional kaunselor dan doktor bertauliah
- v. Alatan Oksigen, Alat Saringan RTK Antigen
- vi. Mesin ATM, Beras, Peralatan Dapur

- vii. Bahan sanitasi, pembersihan luar dan dalam bangunan & pembaikpulihan bangunan, kemudahan kawasan am serta bilikbilik penginapan.

Operasi ini dilaksanakan oleh SUKARELAWAN WILAYAH PRIHATIN (PriVo) yang dipilih menjadi Rakan Strategik bagi semua perkhidmatan di Rumah Prihatin. Walaubagaimanapun terdapat NGO lain yang juga terlibat, tetapi terhad kepada jenis perkhidmatan dalam Rumah Prihatin berdasarkan pengalaman, rangkaian dan kepakaran masing-masing. Antara kerjasama 3 dengan NGO tersebut adalah Seed Foundation yang membantu dalam menguruskan Khidmat Kesihatan Mental Prihatin.

B) Memastikan Golongan Gelandangan dan Kurang Waras Mendapat Dua (2) Dos Vaksin

Mengenai vaksinasi kepada golongan gelandangan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah menganjurkan dua sesi penvaksinan bagi memastikan gelandangan termasuk yang kurang waras di Kuala Lumpur mendapat dua dos vaksin Covid-19. Sesi tersebut adalah:

- i. Kumpulan 1 :
 - : Dos 1 pada 17 Jun 2021 (68 orang)
 - : Dos 2 pada 8 Julai 2021 (63 orang)

- ii. Kumpulan 2
 - : Dos 1 pada 24 Jun 2021 (82 orang)
 - : Dos 2 pada 15 Julai 2021 (82 orang)

Vaksinasi dos 1 dan dos 2 untuk kumpulan 1 dilaksanakan di Anjung Kelana di mana mereka ditempatkan disitu selama 14 hari bagi memastikan kesemua mereka mendapat dos 2.

Vaksinasi dos 1 dan dos 2 untuk kumpulan 2 dilaksanakan di Pusat Komuniti Sentul Perdana di mana mereka ditempatkan disitu selama 14 hari bagi memastikan kesemua mereka mendapat dos 2.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa peratusan peruntukan tahun 2021 yang telah digunakan bagi pembangunan di Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah **Kementerian Wilayah Persekutuan**, keseluruhan **Peruntukan Pembangunan (DE)** dibawah *Rolling Plan* 1 Tahun 2021 (RP1 2021) RMKe12 adalah sebanyak **RM 419,307,640.00**.

Peruntukan Pembangunan (DE) kepada Perbadanan Labuan adalah sebanyak **RM8,630,000 (2.06%)**. Penyaluran Peruntukan Pembangunan (DE) kepada Perbadanan Labuan sehingga 4.10.2021 telah dibuat sepenuhnya iaitu sebanyak **RM7,630,000 (88.4%)**.

Selain itu, Kementerian Wilayah Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak **RM2.6 juta (9.2%)** di bawah **Pemberian Khas Wilayah Persekutuan** yang diagihkan melalui Program Pembangunan Komuniti Wilayah Persekutuan, Program Kesejahteraan Wilayah Persekutuan dan Program Pembangunan Perbandaran yang dikelola oleh Kementerian dan Perbadanan Labuan. Disamping itu juga, Kementerian Wilayah Persekutuan juga telah diperuntukkan sebanyak RM 27.4 juta dibawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), di mana sebanyak **RM5 juta** telah diperuntukkan kepada Perbadanan **Labuan dibawah inisiatif Pelaksanaan Projek-Projek Kecil Seluruh Negara**.

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, menurut data daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), peruntukan pembangunan dibawah *Rolling Plan* 1 Tahun 2021 (RP1 2021) RMKe-12 bagi **keseluruhan Wilayah Persekutuan** adalah sebanyak RM15.28 billion.

Peruntukan Pembangunan (DE) bagi Wilayah Persekutuan Labuan adalah sebanyak **RM113.66 juta**. Peruntukan ini diselaraskan oleh Kementerian dan Agensi masing-masing dan dipantau oleh ICU, JPM.

Sekian, terima kasih.